


# Untuk Mengelakkan Terjadinya Masalah Karies Botol Susu, Awda Hendaklah:

1. Sebaik sahaja gigi pertama tumbuh hingga kanak boleh meludah , beruskan gigi tersebut dengan ubat gigi orang dewasa yang berfluorida 1,100ppm - 1,450ppm dengan berus gigi yang kecil setiap kali selesai menyusu.


( 6 - 23 bulan ) - hanya secalit ubat gigi orang dewasa di gunakan.

(2 - 8 tahun ) - gunakan ubat gigi orang dewasa sebesar kacang pis.



9 tahun keatas - gunakan ubat sepanjang bulu berus gigi

2. Beruskan gigi anak sehingga mereka berusia 9 tahun. Beruslah sekurang-kurangnya 2 kali sehari.



3. Jangan biarkan anak damit tidur dengan menghisap susu dari botol berpanjangkan kecuali air kosong.

4. Jangan menambah gula kedalam susu atau minuman anak mereka.


5. Jangan berkongsi berus gigi, sudu, tuala dan sebagainya

6. Galakkan anak minum menggunakan cawan mulai umur 1 tahun


7. Galakkan pengambilan makanan yang sihat dan seimbang

8. Jangan meniup makanan atau minuman yang masih panas kemudian di suapkan ke mulut anak damit.

9. Bawa anak awda untuk pemeriksaan gigi setiap enam bulan bermula dari umur satu tahun.



*Kesihatan Pergigian Anak Damit Biskita Adalah Ditangan Awda*




# Masalah Kesihatan Pergigian Ibu dan Anak Damit




# Masalah Kesehatan Mulut Ibu yang Mengandung

Masalah kesehatan mulut dikalangan ibu-ibu yang mengandung ialah masalah infeksi gusi yang di panggil gingivitis. Semasa mengandung si ibu mengalami perubahan hormon yang menjadikan mereka mudah mendapat gingivitis.

*Gingivitis* disebabkan oleh plak dan gusi jadi merah, bengkak dan berdarah semasa memberus gigi. Gusi yang sihat nampak merah jambu, tegang dan mempunyai tepi yang kemas dan meruncing seperti bentuk skalop.



Gusi yang merah dan bengkak (Gingivitis)




Gusi yang sihat

Jika dibiarkan, gingivitis akan merebak dan mengakibatkan gigi goyang dan menjadi punca kepada kehilangan gigi pada usia awal. Ibu yang mengandung selalunya suka makan makanan manis dan masam.

**Untuk mengelakkan perkara ini daripada terjadi:**

- Beruslah gigi dengan berkesan sebanyak dua kali sehari dan bersihkan celah gigi dengan flos sekali sehari.



- Elakkan mengambil makanan dan minuman yang manis dan masam.
- Buatlah pemeriksaan gigi semasa kandungan 4 - 6 bulan.
- Amalkan pemakanan yang sihat dan seimbang.


# Karies Botol Susu Dikalangan Kanak-kanak

Gigi anak damit memang mudah mengalami kerosakan sebaik sahaja ia tumbuh di dalam mulut.

Karies botol susu berpunca dari amalan menyusu minuman manis. Kerosakan ini lebih ketara lagi jika membiarkan anak damit tidur dengan keadaan masih menyusu.

Gula mula berhimpun di sekeliling gigi di biarkan berlarutan maka karies gigi akan terjadi dengan cepat.

Gigi yang selalu menjadi mangsa adalah gigi hadapan. Gigi-gigi ini kelihatan kecoklatan atau hitam (lihat gambar di bawah).



Di antara komplikasi karies adalah sakit gigi, kesusahan mengunyah dan bercakap, bengkak dan jangkitan merebak kekawasan lain.